

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11/09/2007

Dr. Mahathir sudah boleh makan roti canai

UM =
11/9/2007

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad semakin pulih selepas enam hari menjalani pembedahan pintasan koronari jantung malah sudah boleh berjalan di sekeliling katilnya di Institut Jantung Negara (IJN).

IJN dalam kenyataannya memberitahu, keadaan kesihatan bekas Perdana Menteri itu terus menunjukkan kemajuan yang positif dan beliau mula menikmati sarapan berat iaitu roti canai dan susu hari ini.

"Selepas makan roti canai dan minum susu, beliau mandi dan berjalan perlahan-lahan keliling katilnya," jelas kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, Dr. Mahathir akan meneruskan latihan fisioterapi intensif di bahagian dadanya dengan dipantau oleh doktor yang merawat beliau.

Dr. Mahathir yang menjalani pembedahan Selasa lalu masih ditempatkan di Unit Rawatan Rapi IJN. Hanya anggota keluarga terdekat dibenarkan melawat beliau.

Bekas Perdana Menteri itu menjalani pembedahan pintasan koronari pertamanya di Hospital Besar Kuala Lumpur kira-kira 18 tahun lalu pada 24 Januari 1989.

Pembedahan pintasan koronari ke atas Dr. Mahathir yang dilakukan sekumpulan pakar IJN pada Selasa lalu diketuai oleh Tan Sri Dr. Yahya Awang.



DR. MAHATHIR Mohamad bersama isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan kakitangan Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur, semalam.

Dr. Yahya, pakar bedah jantung terkemuka negara, pernah menjalankan pembedahan yang sama ke atas Dr. Mahathir pada 1989.

Pengarah Perubatan IJN, Datuk Seri Dr. Robaayah Zambahari mengetuai panel doktor yang merawat Dr. Mahathir.